


Ibu bapa teladan terbaik

Metro 3/3/2011 MS 20

Tanggungjawab ibu bapa bukan saja di dalam, malah di luar rumah ketika anak bersama kawan



Oleh
**DR AMINUDIN
MANSOR**

ANAK adalah anugerah Allah yang tidak ternilai kepada setiap pasangan suami isteri. Itulah sebabnya mereka dipanggil cahaya mata. Mereka yang mempunyai anak wajar mendidiknya supaya tidak terbabit dalam pelbagai gejala negatif yang boleh merosakkan masa depan.

Mendidik anak memerlukan proses panjang dan berterusan dengan ilmu dan kemahiran keibubapaan. Tanpa ilmu dan kemahiran ini seseorang itu tidak dapat mendidik anak ke arah jalan yang betul. Ibu bapa harus belajar dan mendalami proses pendidikan khususnya dalam pendidikan anak-anak.

Anak yang berjaya dalam bidang ilmu dunia belum tentu menjanjikan kebaikan kepada dirinya jika tiada ketakwaan kepada Allah. Hanya melalui pendidikan akidah, ibadah dan akhlak akan dapat mendidik anak ke arah kecemerlangan di dunia dan akhirat. Tiada buku panduan lengkap kepada ibu bapa dalam mendidik anak.

Pandangan umum menyatakan, anak adalah kekayaan bagi orang miskin. Yang bermaksud, orang yang miskin


harta benda tetapi mempunyai anak yang ramai samalah seperti orang kaya. Oleh itu, anak mestilah dididik dengan betul dan berterusan bagi menjadikan mereka insan yang berguna pada masa depan.

Ada juga pandangan mengatakan, seseorang itu perlu mendidik anak hanya sehingga umur 10 tahun, selepas itu dia hanya mempengaruhi.

Bagaimanapun, anak-anak memerlukan kekuatan bagi tempat bersandar, memerlukan dada sebagai tempat menangis dan memerlukan contoh bagi dipelajari.

Lantaran itu, contoh dan teladan yang baik daripada ibu bapa sangat penting bagi dipelajari oleh anak-anak. Jika ibu bapa sentiasa beramal ibadah anak-anak tentu melakukannya dengan mudah. Sebagai contoh, ibu bapa yang tidak meninggalkan solat berjemaah akan diikuti oleh anak-anak di rumah. Setiap ibu bapa yang bijaksana sentiasa dapat mendidik anak-anaknya ke arah kecemerlangan akal budinya.

Fenomena gejala sosial di luar rumah mengancam peribadi dan tingkah laku anak. Gejala sosial seperti pergaulan bebas, lari dari rumah, terbabit dengan lumba haram, penagihan dadah, minuman keras, berjudi, seks bebas dan pembuangan bayi



TUNJUK AJAR...anak yang dapat pendidikan akidah dan akhlak akan beroleh kecemerlangan dunia dan akhirat.

bukan lagi asing di kalangan mereka yang bebas dan tidak bermoral.

Daya pengaruh dan perubahan sikap anak-anak mudah terikut dengan pengaruh kawan-kawan yang sering mengajak ke arah keburukan dan akhirnya menjerumuskan ke kancah gejala sosial. Pengaruh persekitaran, pengaruh media massa, pengaruh facebook, twitter dan telefon pelbagai guna jika tidak

dipantau boleh menyebabkan anak-anak terbabit dengan gejala sosial. Ibu bapa mestilah lebih bijak daripada anak-anak dan sentiasa mendahului dengan memantau siapa kawan baik anak-anak mereka.

Tanggungjawab ibu bapa ini bukan saja di dalam rumah, malah di luar rumah ketika anak-anak bersama kawan-kawan mereka. Anak-anak mestilah sentiasa

diterapkan dengan nilai-nilai murni seperti suka belajar, mematuhi peraturan, bertimbang rasa, mendengar nasihat ibu bapa, mematuhi undang-undang dan peraturan seperti larangan agama dapat mengelakkan mereka terjebak dalam pelbagai gejala sosial.

Tanyalah kepada setiap ibu bapa, mereka tentu bimbang dengan pengaruh rokok dan dadah bagi anak lelaki, manakala mereka juga bimbang dengan pergaulan bebas dan seks bebas dan pengaruh rokok dan penyalahgunaan dadah bagi anak-anak perempuan belasan tahun.

Ramai kalangan guru dan pendidik berpendapat, pengaruh pertama yang mesti dipantau oleh ibu bapa ialah rokok. Apabila anak-anak mula berjinak-jinak merokok mereka akan ponteng kelas, tidak hadir ke sekolah, dan menghadapi pelbagai masalah disiplin. Kalangan mereka ini adalah dalam usia 12 hingga 17 tahun. Tempoh usia ini adalah tempoh dugaan dan pengaruh buruk paling kuat mempengaruhi anak-anak.

Beberapa langkah proaktif mestilah dilakukan oleh ibu bapa jika anak-anak terbabit dengan rokok dan gejala sosial. Ibu bapa yang sibuk dengan tugas masing-masing hendaklah meluangkan masa untuk bersama anak-anak

dikongkong dan dipinggirkan. Jalan penyelesaian mestilah dicari bagi mengatasi apa juga masalah yang dihadapi oleh anak-anak yang sedang membesar. Setiap anak mempunyai hak untuk mendapatkan dua perkara, iaitu makanan yang baik dan pendidikan yang baik.

Tumpuan pendidikan dalam rumah tangga yang patut dilakukan oleh ibu bapa bukan sahaja dalam bentuk teori, malah yang lebih penting dalam bentuk praktikal ke arah kebaikan masa depan anak-anak.

Ibu bapa juga mestilah mendidik anak dengan seimbang dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pendidikan jasmani lebih menekankan kepada tumbesaran anak-anak, kecergasan dan kesihatan.

Aspek emosi menekankan tentang perasaan. Insan yang baik dan cemerlang ialah insan yang mempunyai perasaan iaitu perasaan cinta dan kasih sayang. Aspek rohani ialah aspek yang berkaitan dengan hati, jiwa dan kalbu yang menimbulkan kesedaran apa yang betul dan apa yang salah, rasa simpati dan seumpamanya. Manakala aspek intelek penting kerana manusia yang baik ialah manusia yang berilmu, cintakan ilmu, mempunyai daya intelek dan fikiran yang tinggi.

untuk mengelakkan mereka daripada kesunyian dan bosan. Ingatlah harta kekayaan tidak boleh membeli seorang anak.

Anak remaja yang bermasalah tidak sepatutnya dilayan dengan keras. Gunakan psikologi dengan memberi nasihat dan tunjuk ajar tanpa jemu dengan cara yang lembut. Kelembutan itu boleh mencairkan hati anak-anak.

Ibu bapa harus memahami dan cuba mengatasi situasi yang dihadapi anak-anak untuk mengatasi masalah yang dihadapi mereka. Cari punca kepada masalah dan atasi masalah tersebut dengan berhemah dan berhikmah.

Sentiasa bersikap terbuka dalam menghadapi kerenah anak-anak. Terima pandangan mereka dengan baik dan bertukar-tukar pendapat secara terbuka. Sikap saling menghormati antara anak-anak dan ahli keluarga yang lain hendaklah diwujudkan supaya dapat menjamin kemesraan dan kasih sayang.

Justeru, anak-anak yang didapati bersalah tidak boleh

Seorang datang kepada Nabi s.a.w. dan bertanya, "Ya, Rasulullah, apa hak anakku ini?" Nabi s.a.w. menjawab, "Memberinya nama yang baik, mendidik adab yang baik, dan memberinya kedudukan yang baik (dalam hatimu)." (Riwayat Ath Thusi).

Begitulah, betapa pentingnya pendidikan anak-anak daripada ibu bapa yang mencintai dan menyayangi anak-anaknya. Ibu bapa mestilah berlaku adil terhadap anak-anak dalam semua perkara. Salah satu kenikmatan Allah atas seseorang ialah dijadikan anaknya mirip dengan ayahnya (dalam kebaikan).

Hakikatnya, pendidikan anak mestilah dilakukan secara berterusan oleh ibu bapa menerusi nasihat dan bimbingan yang tidak pernah jemu ke arah kebaikan. Sewaktu anak masih muda dan remaja ajar mereka tentang hal-hal yang berkaitan kebaikan dan kejayaan mereka pada masa depan.

**>Penulis berkelulusan PhD
Persuratan Melayu**